# PERKEMBANGAN PENDIDIKAN SEJARAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA (1874 HINGGA 2002)

NORRIZAN BINTI SEMAN

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
2003

Perpustakaan Universiti Malaya
A511141543

# PERKEMBANGAN PENDIDIKAN SEJARAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA
**(1874 HINGGA 2002)**

NORRIZAN BINTI SEMAN

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
2003

// PENGHARGAAN

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, iaitu Profesor Dato' Mohamad Abu Bakar, di atas segala nasihat dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim di atas segala sumbangan ide yang telah beliau berikan.

Seterusnya, saya merakamkan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak-pihak berikut:

(i). Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

(ii). Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

(iii). Unit Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

(iv). Arkib Negara Malaysia.

(v). Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris

(vi). Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Akhir sekali, saya bersyukur kehadrat Ilahi dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada suami dan anak-anak saya di atas segala dorongan dan kasih sayang yang telah dicurahkan kepada saya semasa menyiapkan disertasi ini.

# ABSTRAK

Matlamat utama kajian deskriptif ini adalah untuk meninjau pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia dari aspek falsafah, matlamat dan perkembangannya. Tinjauan ini dibuat dari sudut kronologi, meliputi tiga tempoh masa, iaitu pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia semasa pemerintahan British (1874 hingga 1957), pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia selepas Merdeka (1957 hingga 1980), dan pendidikan Sejarah dalam KBSR dan KBSM (1980 hingga 2002). Sumber kajian adalah dari rujukan perpustakaan yang melibatkan dokumen, laporan, jurnal, majalah dan suratkhabar, dan temubual lisan dengan tokoh-tokoh akademik.

Pada zaman British, pendidikan Sejarah diperkenalkan bertujuan memenuhi kepentingan dan matlamat kolonialisme British. Kurikulum Sejarah adalah berbeza mengikut jenis-jenis sekolah, dan berlandaskan kaum atau sekolah-sekolah vernakular yang mempunyai kurikulum tersendiri. Pada zaman selepas Merdeka sebelum pengenalan KBSR dan KBSM, pendidikan Sejarah masih tidak mempunyai banyak perubahan berbanding dengan zaman sebelumnya. Ini adalah kerana pelajaran Sejarah masih lagi menggunakan kurikulum yang diperkenalkan oleh penjajah British. Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah kurang menyumbang kepada pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu dan mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan yang tersendiri.

Umumnya, kandungan sukatan pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah dan menengah pada zaman selepas Merdeka masih bersifat "western-centric" dan tidak

menjurus kepada kenegaraan Malaysia. Pendidikan Sejarah dalam KBSR dan KBSM (mulai tahun 1980), yang berteraskan Falsafah Pendidikan Negara, telah memperlihatkan perubahan yang amat ketara. Falsafah, matlamat dan objektif kurikulum pendidikan Sejarah telah ditentukan arah dan halatujunya, bermaksud terutama sekali untuk memupuk perpaduan kaum dan menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan. Isi kandungan kurikulumnya adalah berfokus kepada Sejarah Malaysia, dengan sejarah negara-negara luar hanya dipelajari mengikut kepentingan hubungannya dengan negara Malaysia.

Akibat daripada amalan pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang masih bersifat tradisional, penerapan nilai-nilai perpaduan dan kewarganegaraan adalah kurang berkesan. Pelbagai isu dan kekangan dihadapi, terutamanya di peringkat perlaksanaan di bilik darjah, seperti kegagalan untuk melahirkan pelajar berilmu pengetahuan sejarah yang tinggi dan mampu berfikir secara kritis dan kreatif, serta kurangnya minat dan persepsi negatif oleh pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Justru, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah sekali lagi merombak kurikulum mata pelajaran Sejarah, melibatkan penyusunan dan penstrukturan semula sukatan pelajaran untuk tingkatan satu hingga lima, dan akan mula dilaksanakan pada tahun 2003.

Di samping itu, beberapa langkah telah diambil untuk memastikan mata pelajaran Sejarah masih relevan dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara di masa hadapan. Langkah-langkah tersebut bertujuan untuk meningkatkan taraf profesionalisme guru, menggunakan kaedah dan teknik pengajaran terkini seperti

penggunaan Internet dan kaedah Kajian Masa Depan (Futures Studies), mengubahsuai isi kandungan buku-buku teks dengan memasukkan lebih banyak unsur-unsur patriotisme, dan menghakis sikap mempelajari Sejarah bagi tujuan peperiksaan semata-mata.

# ISI KANDUNGAN

Penghargaan ............................................................................ i

Abstrak ............................................................................ ii

Isi Kandungan ............................................................................ iv

BAB SATU: PENGENALAN

1.0 Pengenalan ............................................................................ 1

1.1 Pengertian Sejarah ............................................................................ 10

1.1.1 Kepentingan Sejarah ............................................ 12

1.2 Pendidikan Sejarah ............................................................................ 15

1.2.2 Kepentingan Pendidikan Sejarah ............................ 16

BAB DUA: PENDIDIKAN SEJARAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

SEMASA PEMERINTAHAN BRITISH (1874 HINGGA 1957)

2.0 Pengenalan ............................................................................ 28

2.1 Pendidikan Sejarah Semasa Pemerintahan British ................................ 30

2.1.1 Zaman Sebelum Perang Dunia Kedua ........................ 31

2.1.2 Zaman Selepas Perang Dunia Kedua ........................ 50

BAB TIGA: PENDIDIKAN SEJARAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

SELEPAS MERDEKA (1957 HINGGA 1980)

3.0 Pengenalan ............................................................................ 59

3.1 Pendidikan Untuk Perpaduan ............................................................ 60

3.1.1 Perlaksanaan Kurikulum Sejarah Selepas

Merdeka ............................................................ 62

BAB EMPAT: PENDIDIKAN SEJARAH DALAM KBSR DAN KBSM

(1980 HINGGA 2002)

4.0 Pengenalan ........................................................................ 86

4.1 Perlaksanaan Kurikulum Sejarah Dalam KBSR Dan KBSM .................. 87

BAB LIMA: PENDIDIKAN SEJARAH DI MALAYSIA MENJELANG TAHUN 2003

5.0 Pengenalan ........................................................................ 119

5.1 Pendidikan Sejarah Menjelang Tahun 2003 .................................... 121

5.1.1 Cabaran-Cabaran Dalam Pendidikan Sejarah ............... 127

5.1.2 Cadangan-Cadangan Perlaksanaan Pendidikan Sejarah ............................................................ 131

5.2 Rumusan ........................................................................... 136

BIBLIOGRAFI ........................................................................... 141

LAMPIRAN-LAMPIRAN

A. Pelajaran Tawarikh Bagi Darjah 3 (Halaman 6-7) ............................. 152

B. Kesah-Kesah Zaman Lampau (Isi Kandungan dan Halaman 1) ...................................................................... 154

C. Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah ............................................ 157

D. Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah-Sekolah Malaysia (Halaman 11-12) ................................................ 160

E. Sejarah Menengah Baru 1 (Contoh-Contoh Soalan) ...........................161

F. Sejarah Menengah Baru 1 (Halaman 24) ....................................... 162

G. Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Menengah

Rendah KBSM ........................................................................163

H. Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Menengah

Atas KBSM ........................................................................ 166

I. Sejarah KBSM Tingkatan Satu (a) .................................................. 169

J. Sejarah KBSM Tingkatan Satu (b) .................................................. 170

K. Sejarah KBSM Tingkatan Dua ....................................................... 171

L. Surat-Surat Pengesahan ............................................................176

# SENARAI RAJAH

Rajah Halaman

1. Sukatan Pelajaran Ilmu Tawarikh Sekolah Rendah .............................. 66

2. Pecahan Tajuk-Tajuk Dalam Sukatan Pelajaran Sejarah
Tingkatan Satu Hingga Tiga ........................................................ 70

3. Organisasi Kurikulum Sejarah Tahun 2003 ....................................... 124

# SENARAI JADUAL

Jadual | Halaman

I. Waktu Mengajar Mata Pelajaran Sejarah Di SITC .............................. 41

II. Pencapaian Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah Dalam
Komponen Alam Dan Manusia Mengikut Jenis Sekolah ...................... 89

III. Statistik Keputusan Peperiksaan Mata Pelajaran Sejarah
PMR dan SPM Dari Tahun 1996 Hingga 2000 ................................ 107